

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN  
AWANG [MARANG]**

**TARIKH : 13 OGOS 2020**

**SOALAN :**

**YB DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [ MARANG ]** minta **PERDANA MENTERI** apakah langkah dan pelan tindakan yang diambil terhadap etnik Rohingya yang cuba memasuki sempadan Malaysia ketika negara sedang menghadapi penularan wabak COVID-19.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Dipertua,

1. Bagi tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kerajaan telah menetapkan bahawa semua warganegara asing tidak dibenarkan untuk memasuki negara demi melindungi rakyat negara ini daripada wabak COVID-19 yang kini berstatus pandemik. Justeru, golongan pelarian daripada mana-mana negara asing termasuk Rohingya juga tidak terkecuali daripada ketetapan ini.

2. Walau bagaimanapun, bagi isu kemasukan warga asing di sempadan negara (bukan pintu masuk utama), warga asing itu tidak boleh diusir serta merta dan warga asing tersebut perlu ditahan kerana melakukan kesalahan memasuki Malaysia melalui laluan yang tidak dibenarkan. Perintah usir hanya boleh dilaksanakan selepas warga

asing itu dikenakan tindakan undang–undang sewajarnya menurut suatu perintah usir yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Jabatan Imigresen di bawah Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155].

3. Pada 8 Jun 2020, telah berlaku kemasukan 269 orang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) etnik Rohingya dengan menggunakan bot yang sengaja dirosakkan di perairan Langkawi. Kesemua PATI ini dibawa ke Kem Wawasan Negara Langkawi. Ini menjadikan jumlah keseluruhan PATI etnik Rohingya yang berada di kem tersebut adalah berjumlah seramai 521 orang iaitu termasuk 252 orang yang ditahan pada 7 Mac 2020 sebelum PKP dikuatkuasakan oleh Kerajaan.

4. Kedua-dua insiden kemasukan PATI ini masih di dalam siasatan pihak keselamatan yang berkaitan terutamanya dalam aspek penyeludupan manusia, kesalahan memasuki negara tanpa mempunyai dokumen yang sah, elemen penglibatan jenayah terancang serta aspek – aspek keselamatan yang lain.

5. Justeru, sekiranya hasil siasatan juga mendapati bahawa PATI etnik Rohingya tersebut memerlukan perlindungan antarabangsa berdasarkan kepada prinsip *non-refoulement* yang diguna pakai di peringkat antarabangsa dan pengecualian yang diberikan kepada warga asing yang mungkin memerlukan perlindungan antarabangsa oleh pihak United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR), atas dasar kemanusiaan, golongan ini mungkin tidak diusir dan dibenarkan untuk berada secara sementara di dalam negara sehingga mereka ini ditempatkan ke negara ketiga yang lain atau pulang ke negara asal apabila krisis di wilayah Rakhine, Myanmar mulai reda.

Sekian, terima kasih.